

Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF

SITI FATIMAH AHMAD

AB. HALIM TAMURI

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berdasarkan teknologi multimedia (TMm) dalam pengajaran guru j-QAF. Dalam meningkat kualiti pengajaran dan pembelajaran, penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dilihat amat efektif dan sesuai kepada para pendidik. Artikel ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan persepsi guru-guru j-QAF terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran mereka . Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik yang diberikan secara rawak kepada 270 orang guru j-QAF yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di Sarawak. Data dianalisa secara deskriptif bagi mencari taburan kekerapan, peratusan dan min. Ujian t juga dijalankan untuk melihat perbezaan antara jantina, lokasi sekolah dan bidang penghusus. Hasil kajian mendapati bahawa guru j-QAF mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran secara umum dengan nilai purata min 4.00. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam kalangan guru berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bidang penghusus mereka.

Kata kunci: Bahan Bantu Mengajar, Teknologi Multimedia, j-QAF

ABSTRACT

This article aims to discuss the usage of multimedia technology teaching aids in the teaching and learning among the j-QAF teachers in Sarawak. In raising the achievement in quality education, the use of multimedia technology teaching aids in succeeding the teacher's teaching and learning. This article will present the findings regarding the j-QAF teachers' perceptions towards use of multimedia technology teaching aids during their lesson. This used a set questionnaire which had been distributed randomly to 270 j-QAF teachers in several primary schools in Sarawak. The data were descriptively analyzed using frequency, percentage and mean. The t-tests were also conducted to see the differences between gender, school location and field of specialization. The findings showed that the majority of the teachers had positive perception towards multimedia technology teaching aids with the average mean was at 4.00. Based on t-tests, there were no significant mean differences of perception towards the usage of multimedia technology teaching aids based on gender, school location and field of specialisation.

Key words: Teaching aids, multimedia technology, j-QAF

PENDAHULUAN

Di Malaysia, era perkembangan teknologi maklumat telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan. Kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam konteks masyarakat berpengetahuan hari ini semakin meningkat, sejajar dengan perubahan dimensi dan inovasi dalam TMK. Scenario ini menjadi petunjuk untuk menggerakkan Malaysia menuju negara maju yang membangun mengikut acuannya sendiri menjelang tahun 2020.

Berikutan itu juga, perkembangan pesat dalam pembangunan industri negara dan ledakan teknologi maklumat dapat membantu meningkatkan penggunaan teknologi inovasi dan konvensional ke arah memartabatkan sistem pendidikan bertaraf dunia dan pembangunan modal insan pelajar. Situasi ini menyaksikan perlunya kualiti dalam peningkatan infrastruktur sokongan yang berkesan dalam P&P melalui penggunaan BBM yang dapat membuka ruang lebih luas kepada para guru untuk mengaplikasi segala teori, kemahiran dan kepakaran yang sedia ada.

Menurut Abd. Rahman (2000), sejak awal tahun 50-an, pelbagai alat teknologi pendidikan (ATP) digunakan dalam P&P sekolah-sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, penggunaannya adalah terhad. Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk kemajuan teknologi pendidikan melalui peruntukan daripada pinjaman Bank Dunia kepada sekolah seperti peti televisyen, perakam video dan OHP (*overhead projector*) yang menelan belanja jutaan ringgit.

Tamadun manusia yang semakin berkembang mendorong penggunaan teknologi moden dalam sistem pendidikan menjadikan usaha meringkas dan mempermudahkan BBM amat perlu supaya kanak-kanak yang baharu memasuki alam persekolahan mudah memahami pengajaran guru (Ahmad Kilani, 2005). Kenyataan ini disokong oleh Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007) bahawa penggunaan BBM berasaskan teknologi pendidikan boleh dipraktik bagi meningkatkan keberkesanannya P&P guru terutama Pendidikan Islam, di samping minat dan tumpuan pelajar dapat ditarik menerusi perancangan penggunaan yang rapi.

Oleh yang demikian, menurut Kamaruzzaman *et al.* (2002), guru Pendidikan Islam perlu memperbanyak BBM bagi menarik minat pelajar mengikuti mata pelajaran tersebut. Mereka juga perlu mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi, melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, dan memperbaiki sentiasa sepanjang masa. Hal demikian ini kerana bidang ilmu pengetahuan sentiasa berkembang luas.

Sehubungan dengan itu, penggunaan BBM berasaskan TMm dalam P&P, dilihat amat efektif dan sesuai untuk dilaksanakan di sekolah bagi semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam. Penggunaan TMm perlu dilihat secara optimis dan dilaksanakan secara proaktif oleh guru untuk meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran dan kefahaman pelajar dalam pembelajaran. Namun demikian, menurut Rohaya (2003) apa yang berlaku di sekolah secara realitinya menunjukkan bahawa sistem pengurusan sekolah dan kaedah pengajaran guru masih tidak berupaya untuk mendukung penggunaan BBM berasaskan TMm dalam P&P mereka. Kebiasaan pelajar diterapkan kepada pembelajaran secara hafalan semata-mata.

PENGGUNAAN BBM BERASASKAN TMm DALAM PENGAJARAN

Perkembangan semasa pendidikan negara menggambarkan peningkatan dan perubahan dalam aspek P&P guru yang perlu diperbaiki dan dimurnikan dari semasa ke semasa. Perubahan ini diharap

akan dilakukan secara berterusan dan terarah. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha untuk menyediakan pelbagai prasarana seperti rangkaian komputer bagi memudahkan lebih banyak mata pelajaran dapat diajar menggunakan teknologi interaktif multimedia dan pengajaran menerusi laman web (Zainuddin *et al.*, 2008).

Sehubungan dengan itu, pengkaji mendatangkan beberapa kajian berhubung dengan penggunaan teknologi komputer dan multimedia. Kajian-kajian ini menunjukkan kepentingan penggunaan BBM berasaskan TMm dikenal pasti dapat meningkatkan keupayaan kompetensi guru dan juga dapat melakukan penilaian semula cara terhadap pengajaran dan pendekatan pembelajaran mereka di dalam bilik darjah. .

Menurut dapatan kajian yang diperolehi oleh Ab. Halim *et al.* (2004), keberkesanan kaedah P&P Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar dari segi tahap kualiti BBM adalah berada pada aras sederhana rendah ($\text{min}=2.57$). Mana kala tiga elemen yang dikenal pasti sebagai min yang paling rendah, iaitu penggunaan bahan rujukan atau sumber lain selain daripada buku teks sebagai BBM ($\text{min}=2.03$), kesesuaian dengan aras hasil pembelajaran ($\text{min}=2.07$) dan penggunaan teknologi terkini seperti komputer, LCD dan OHP ($\text{min}=2.11$).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Khadijah dan Shahrin (2006) dalam Wan Khairuddin (2006) mendapati bahawa amalan pengajaran guru Pendidikan Islam masih tidak memanfaatkan TMK sebagai BBM. Ini dibuktikan melalui min bagi item BBM berasaskan TMK mencatatkan min yang paling rendah, iaitu 2.05. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Wan Khairuddin (2006) pula mengukuhkan daptan tersebut yang menunjukkan bahawa persepsi guru pendidikan Islam terhadap penggunaan TMK dalam P&P berada pada tahap sederhana ($\text{min}=3.60$), dan min yang paling rendah ($\text{min}=3.07$) adalah tentang TMK boleh menjadikan proses P&P tidak memenuhi sukanan pelajaran.

Kesedaran perlu dipertingkatkan kepada guru Pendidikan Islam bahawa guru Pendidikan Islam di Malaysia masih merupakan pengguna komputer bukannya pencipta atau kompeten komputer. Masalah ini timbul kerana guru di Malaysia masih kekurangan kompetensi dalam TMK (Ab. Halim dan Zaradi, 2006).

Hal ini turut dipersetujui oleh Baharudin dan Nik Rahimi (2008) yang menyimpulkan bahawa guru Pendidikan Islam haruslah bersikap positif dalam menerima ledakan TMK sebagai BBM masa kini. Penggunaan TMK dalam proses P&P yang merangkumi penggunaan media, alat, dan bahan dalam bentuk yang sistematik dan menyeluruh, mampu untuk mendatangkan kesan yang baik dan menarik tumpuan pelajar.

Tidak dapat disangkal lagi, penggunaan BBM berasaskan TMm menjadi satu kepentingan dalam sistem pendidikan di seluruh dunia. Walau bagaimanapun penggunaan BBM secara tradisional masih relevan dengan kehendak semasa pendidikan.

LATAR BELAKANG MASALAH

Peredaran masa membawa perubahan dan cabaran terhadap profesion keguruan termasuk pengubahsuaian fungsi dan peranan guru. Peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada pelajar telah bertukar kepada guru sebagai pemudahcara dalam P&P, agen perubahan dan sumber maklumat kepada pelajar. Guru harus kreatif dan inovatif untuk menjadikan sistem

teknologi pengajaran menjadi lebih efektif, menarik dan menyeronokkan dengan penggunaannya akan menambah kualiti penyampaian guru.

Dalam meningkatkan pencapaian pendidikan berkualiti, penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam menjayakan proses P&P guru dalam bilik darjah. Kegagalan para guru untuk melakukan perubahan melalui kaedah dan teknik dalam teknologi pengajaran merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani segera. Beban tugas guru dianggap sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan guru menggunakan BBM berasaskan teknologi multimedia. Hal demikian ini dipersejua oleh Abd. Rahman (2000) melalui kajianya. Menurut beliau kebanyakkan guru dibebankan dengan tugas yang tidak berbentuk akademik atau mengajar terlalu banyak subjek yang berbeza sehingga mempengaruhi sikap, kemahiran, dan komitmen guru terhadap penggunaan alat teknologi pendidikan.

Menurut Mustafa (2008), 39.4% ($n = 198$) guru bahasa Arab menghadapi masalah dari segi kemampuan menguasai penggunaan BBM dalam pengajaran bahasa Arab seperti bahan mengajar melalui internet, penggunaan slaid dan komputer, grafik, video, kaset dan penggunaan gambar rajah. Masalah yang dihadapi ini, menggambarkan kelemahan guru dalam menguasai pelbagai BBM bagi pengajaran bahasa Arab. Masalah ini juga mempunyai kaitan dengan sesetengah sekolah di mana sekolah tersebut tidak mempunyai prasarana yang diperlukan di samping guru yang memandang ringan tentang penggunaan BBM.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Azhar Ahmad *et al.* (2008), mendapati penggunaan BBM dan teknologi pengajaran merupakan aspek yang didapati masih kurang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Kelemahan dalam penggunaan BBM dan teknologi boleh menjelaskan daya tarikan dan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur.

Menurut dapatan daripada Syed Najmudiin *et al.* (2008), terdapat persepsi bahawa guru Pendidikan Islam kurang kreatif dalam pengurusan kelas seperti kurang kepelbagaian kaedah pengajaran (3.84), kurang penguasaan ilmu dari sumber yang pelbagai (3.22), kurang perihatin kepada pelajar yang lemah (3.92), dan pengajaran berpusatkan pelajar sahaja (3.82). Skor min ini juga menunjukkan tahap sederhana dalam penyampaian pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bilik darjah.

Berdasarkan pernyataan masalah ini, sekiranya kesediaan guru j-QAF dalam menggunakan BBM berasaskan TMm masih belum dikaji secara menyeluruh sama ada oleh pihak sekolah, pihak Kementerian Pelajaran atau para penyelidik lain. Oleh itu, sukar untuk mengenal pasti keberkesanan dalam proses P&P serta mutu pendidikan berkualiti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengkaji persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF bagi mempertingkat keberkesanan dan kompetensi guru terhadap kepentingan TMm untuk diaplikasi mengikut kesesuaian dalam pengajaran dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Kajian ini meninjau persepsi penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF. Selain itu, kajian ini juga melihat perbandingan perbezaan persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bidang pengkhususan. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti persepsi guru terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran j-QAF.

2. Perbezaan persepsi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan jantina.
3. Perbezaan persepsi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.
4. Perbezaan persepsi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang dijalankan terhadap guru di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK) yang menjalani program j-QAF di bawah KPM. Kajian ditumpukan kepada enam bahagian dalam negeri Sarawak, iaitu Bahagian Kuching, Samarahan, Betong, Sibu, Mukah, dan Miri. Maka, gambaran sebenar populasi di seluruh negeri Sarawak dapat dihasilkan melalui dapatan dari kajian ini. Sampel kajian melibatkan 270 orang guru j-QAF terlatih ambilan tahun 2005-2007 yang dipilih daripada populasi kajian. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru yang terpilih sebagai sampel kajian. Borang soal selidik ini memberi tumpuan kepada persepsi guru terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran j-QAF. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 30 orang responden kajian, Alpha Cronbach yang diperolehi adalah tinggi iaitu pada aras 0.759. Data kajian ini dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS dengan menggunakan statistik diskriptif seperti min, peratusan dan serta beberapa Ujian-t. Skala interpretasi yang digunakan bagi min dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.00 – 2.33 – Tahap Rendah
 2.34 – 3.67 – Tahap Sederhana
 3.68 – 5.00 – Tahap Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang persepsi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF dari aspek demografi guru, persepsi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF dan Perbezaan persepsi terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan jantina, lokasi sekolah, dan bidang pengkhususan.

Demografi Guru

Responden kajian ini terdiri daripada 270 orang guru j-QAF terlatih ambilan tahun 2005 hingga 2007 yang mengajar di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK) yang menjalani program j-QAF di enam bahagian, iaitu Kuching, Samarahan, Betong, Sibu, Mukah dan Miri. Profil lengkap tentang responden ditunjukkan dalam jadual-jadual seperti berikut :

Kekerapan dan Peratusan Mengikut Jantina

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 270 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 121 orang lelaki (44.8 %) dan 149 orang perempuan (55.2 %). Ini dapat dirujuk dalam Jadual 1.1

Jadual 1.1 Pembahagian Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	121	44.8
Perempuan	149	55.2
JUMLAH	270	100.0

Kekerapan dan Peratusan Mengikut Lokasi Sekolah

Berdasarkan Jadual 1.2, 102 (37.8 %) buah sekolah yang menjalani program j-QAF berada di lokasi bandar. Manakala 168 (62.2 %) buah sekolah pula berpusat di lokasi luar bandar.

Jadual 1.2 Pembahagian Responden Mengikut Lokasi Sekolah

Lokasi	Kekerapan	Peratusan
Bandar	102	37.8
Luar bandar	168	62.2
JUMLAH	270	100.0

Kedudukan lokasi ini merujuk kepada Buku Panduan Maklumat Asas Pendidikan Senarai Sekolah di Sarawak 2005 dan lampiran enrolmen bagi tahun 2009 yang merujuk kepada senarai guru juga senarai sekolah yang menjalani program j-QAF di negeri Sarawak.

Kekerapan dan Peratusan Mengikut Bidang Pengkhususan

Responden kajian ini melibatkan dua bidang pengkhususan, iaitu bahasa Arab seramai 112 orang (41.5 %) dan Pendidikan Islam seramai 158 orang (58.5 %) seperti yang tertera pada Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Pembahagian Responden Mengikut Bidang Pengkhususan

Bidang	Kekerapan	Peratusan
Bahasa Arab	112	41.5
Pendidikan Islam	158	58.5
JUMLAH	270	100.0

Hanya terdapat dua pengkhususan major yang ditawarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, KPM bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR) program j-QAF bagi Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) sejak tahun 2005 hingga kini. Latihan perguruan ini dilaksana di 27 buah kampus perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di seluruh Malaysia.

Persepsi Terhadap Penggunaan BBM Berasaskan TMm Dalam Pengajaran Guru J-Qaf

Sepuluh item digunakan dalam meninjau persepsi guru j-QAF terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran secara umum. Jadual 1.4 akan memaparkan analisis persepsi tersebut yang menunjukkan bahawa guru j-QAF mempunyai persepsi yang tinggi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam P&P secara umum dengan nilai purata min 4.00.

Dari aspek perincian skor min persepsi guru j-QAF, skor min tertinggi diperoleh pada item 2 (min=4.47) yang berhubung dengan kesedaran guru j-QAF terhadap keperihatinan kerajaan menggunakan TMK dalam pendidikan. Seramai 137 orang guru j-QAF (50.7%) menyatakan setuju dan 130 orang (48.1%) pula sangat bersetuju berbanding 3 orang (1.1%) yang tidak menyedari tentang hal ini. Keseluruhan menunjukkan guru j-QAF peka terhadap isu-isu semasa berhubung komitmen kerajaan terhadap TMK dalam pendidikan.

Menerusi item 6 (min= 4.40) berkaitan dengan TMm merangsang minat pelajar terhadap P&P. Dapatkan kajian menunjukkan seramai 140 orang guru j-QAF (51.9%) yang bersetuju manakala 121 orang (44.8%) sangat bersetuju menyatakan pelajar berminat mengikuti P&P dengan berbantuan TMm. Namun begitu terdapat juga tujuh orang (2.6%) yang kurang setuju dan dua orang (0.7%) yang tidak bersetuju bahawa TMm mampu menjadi BBM yang berkesan kepada P&P guru j-QAF dalam bilik darjah.

Jadual 1.4 Analisa Persepsi Terhadap Penggunaan BBM Berasaskan TMm dalam Pengajaran Guru j-QAF

Item	Min	Kekerapan dan Peratusan				
		STS	TS	KS	S	SS
1. Biasa mendengar kempen mengenai TMK	4.27	1 (0.4)	1 (0.4)	18 (6.7)	155 (57.4)	95 (35.2)
2. Sedar kerajaan amat perihatin terhadap TMK dalam pendidikan.	4.47	0	0	3 (1.1)	137 (50.7)	130 (48.1)
3. Berminat menggunakan komputer dalam pengajaran.	4.23	0	1 (0.4)	20 (7.4)	165 (61.1)	84 (31.1)
4. TMK meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru	4.08	0	0	40 (14.8)	168 (62.2)	62 (23.0)
5. TMm dapat membantu proses P&P dalam bilik darjah.	4.27	0	2 (0.7)	13 (4.8)	164 (60.7)	91 (33.7)
6. TMm merangsang minat pelajar terhadap P&P	4.40	0	2 (0.7)	7 (2.6)	140 (51.9)	121 (44.8)
7. TMm dapat membantu P&P yang berpusatkan pelajar.	4.02	0	4 (1.5)	40 (14.8)	172 (63.7)	54 (20.0)
8. TMm menjimatkan masa pengajaran.	3.67	2 (0.7)	20 (7.4)	89 (33.0)	112 (41.5)	47 (17.4)
9. TMm menjadikan P&P tidak terkawal.	3.36	5 (1.9)	32 (11.9)	124 (45.9)	79 (29.3)	30 (11.1)
10. TMm memberi kesan sama dengan kaedah tradisional	3.24	4 (1.5)	43 (15.9)	126 (46.7)	77 (28.5)	20 (7.4)

N = 270 Purata Min = 4.00

Pernyataan “biasa mendengar kempen mengenai TMK” pada item 1 dan “TMm dapat membantu proses P&P dalam bilik darjah” pada item 5, masing-masing dengan skor min 4.27. Bagi item 1, majoriti guru j-QAF, iaitu seramai 155 orang (57.4%) mengakui telah mengetahui dan biasa mendengar kempen berhubung dengan TMK dan disokong oleh 95 orang guru (35.2%) yang sangat setuju dengan pernyataan itu. Berbeza dengan dua orang guru, keduanya mendapat peratusan yang sama, iaitu 0.7% bahawa mereka tidak biasa mendengar kempen memgenai TMK ini.

Manakala item 5 menunjukkan 164 orang guru j-QAF (60.7%) bersetuju dan 91 orang (33.70%) pula sangat bersetuju bahawa P&P mendatangkan keberkesanan jika TMm digunakan sebagai salah satu BBM. Walau bagaimanapun seramai 13 orang (4.8%) kurang setuju dan dua orang (0.7%) tidak bersetuju bahawa penggunaan BBM berdasarkan TMm membantu keberkesanan P&P mereka sama ada di luar dan di dalam bilik darjah.

Berhubung dengan “minat menggunakan komputer dalam pengajaran,” menerusi item 3 (min= 4.23), kajian mendapati majoriti guru j-QAF seramai 165 orang (61.1%) bersetuju dan 84 orang (31.1%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut berbanding 20 orang guru (7.4%) kurang setuju dan seorang (0.4%) tidak bersetuju menyatakan bahawa mereka tidak berminat menggunakan komputer dalam P&P.

Bagi item 4 (min= 4.08), hampir seluruh guru j-QAF, iaitu seramai 168 (61.1%) bersetuju menyatakan bahawa TMK dapat meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru. Hal ini

juga diperkuuhkan oleh 62 orang (23.0%) di mana mereka sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut berbanding 40 orang (14.8%) yang kurang bersetuju dengan menyatakan bahawa TMK tidak dapat meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru.

Demikian juga item 7 (min= 4.02), iaitu "TMm dapat membantu P&P berpusatkan pelajar." Seramai 172 orang guru j-QAF (63.7%) setuju dengan pernyataan tersebut di samping 54 orang (20.0%) yang turut memperkuuhkan pernyataan itu dengan sangat bersetuju berbanding dengan empat orang (1.5%) yang tidak bersetuju. Hal ini terjadi kerana keadaan murid bagi sesebuah sekolah adalah berbeza perlakunya

Bagi item 8 (3.67) didapati seramai 47 orang guru j-QAF (17.4) menyatakan sangat setuju bahawa TMm menjimatkan masa pembelajaran. Majoriti guru, iaitu 112 orang juga bersetuju dengan pernyataan di atas, sementara 89 orang (33.0%) masih kurang pasti bahawa TMm dapat mnjimatkan masa pembelajaran. Manakala 20 orang (7.4%) lagi tidak setuju, di samping dua orang guru (0.7%) yang menafikan pernyataan tersebut.

Berhubung dengan TMm menjadikan P&P tidak terkawal, menerusi item 9 (min= 3.36), kajian mendapati guru j-QAF seramai 124 orang (45.9%) kurang setuju. Manakala dan 79 orang (29.3%) setuju dan 30 orang (11.1%) pula sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Sebaliknya 32 orang guru (11.9%) tidak setuju dan lima orang (1.9%) sangat tidak bersetuju menyatakan bahawa TMm menjadikan P&P tidak terkawal.

Skor min sederhana yang terendah diperolehi dari item 10 (min= 3.24), iaitu TMm memberi kesan yang sama dengan kaedah tradisional. Seramai empat orang guru j-QAF (1.4%) menyatakan sangat tidak setuju bahawa TMm memberi kesan yang sama dengan kaedah tradisional. Begitu juga dengan 43 orang (15.9%) menyokong tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut di samping 126 orang (46.7%) juga kurang setuju dalam hal yang sama. Namun begitu, sebaliknya 77 orang (28.5%) menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan pernyataan tersebut bersama dengan 20 orang (7.4%) yang sangat setuju menyatakan TMm memberi kesan yang sama dengan kaedah tradisional.

Kesimpulannya, daripada analisis data soal selidik berhubung persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF di bandar dan luar bandar di negeri Sarawak didapati berada pada tahap yang tinggi. Namun demikian masih terdapat guru-j-QAF yang tidak peka dengan isu-isu semasa dalam sistem pendidikan dan kepentingan TMK dalam keberkesanan P&P guru di luar ataupun dalam bilik darjah.

Perbandingan perbeaan persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bidang pengkhususan guru j-QAF

- Ho.1 Tidak terdapat perbeaan min yang signifikan antara persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan jantina.
- Ho.2 Tidak terdapat perbeaan min yang signifikan antara persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan lokasi sekolah.
- Ho.3 Tidak terdapat perbeaan min yang signifikan antara persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan bidang pengkhususan.

Hipotesis ini dikemukakan bertujuan untuk melihat sama ada perbezaan yang signifikan dalam skor min persepsi penggunaan BBM berdasarkan teknologi multimedia dalam pengajaran guru j-QAF berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan bidang pengkhususan. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis tentang min populasi (μ) apabila nilai sisihan piawai populasi (σ) adalah tidak diketahui. Ujian-t telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas.

Jadual 1.5 Perbandingan Perbezaan Persepsi Berdasarkan Jantina

Pembolehubah Bersandar	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Nilai -p ($\alpha= 0.05$)
Persepsi	Lelaki	121	4.04	0.429	1.339	0.163
	Perempuan	149	3.97	0.403		

Berdasarkan Jadual 1.5, didapati nilai t bagi perbandingan persepsi antara guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 1.339$ dan nilai p adalah $p = 0.163$. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.163 > 0.05$). Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipótesis nol (H_0). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi antara guru lelaki ($min = 4.04$) dan guru perempuan ($min = 3.97$) berdasarkan jantina bagi penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran guru j-QAF.

Jadual 1.6 Perbandingan Perbezaan Persepsi Berdasarkan Lokasi Sekolah

Pembolehubah Bersandar	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Nilai -p ($\alpha= 0.05$)
Persepsi	Bandar	102	4.03	0.442	0.754	0.451
	Luar Bandar	168	3.99	0.399		

Berdasarkan Jadual 1.6 di atas, didapati nilai t bagi perbandingan persepsi antara guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 0.754$ dan nilai p adalah $p = 0.451$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.451 > 0.05$). Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipótesis nol (H_0). Hal ini bermaksud bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi antara guru lelaki ($min = 4.03$) dan guru perempuan ($min = 3.99$) berdasarkan lokasi sekolah.

JADUAL 1.7 Perbandingan perbezaan persepsi berdasarkan bidang pengkhususan

Pembolehubah Bersandar	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai -t	Nilai -p ($\alpha= 0.05$)
Persepsi	Bahasa Arab	112	4.02	0.429	0.763	0.446
	Pendidikan Islam	158	3.99			

Berdasarkan Jadual 1.7 di atas, didapati nilai t bagi perbandingan persepsi antara guru lelaki dan guru perempuan ialah $t = 0.763$ dan nilai p adalah $p = 0.446$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p = 0.446 > 0.05$). Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipótesis nol (H_0). Hal ini bermaksud bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi antara guru lelaki ($min = 4.02$) dan guru perempuan ($min = 3.99$) berdasarkan bidang pengkhususan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian ini didapati guru j-QAF mempunyai persepsi yang tinggi dalam penggunaan BBM berdasarkan TMm dalam pengajaran dan pembelajaran. Strategi dan pendekatan menggunakan

BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru perlu dirangka bagi merangsang dan menyuntik minat pelajar terhadap gaya penyampaian guru dalam dalam bilik darjah. Secara keseluruhan dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Wan Khairuddin (2006) yang mengkaji Penggunaan ICT di kalangan guru Pendidikan Islam: Kajian di sekolah-sekolah menengah daerah Rompin. Gaya penyampaian merupakan aspek penting di dalam proses pengajaran.

Guru j-QAF harus peka dengan senario yang berlaku dalam dunia pendidikan semasa. Kelebihan media elektronik dalam pendidikan perlu dimanfaatkan oleh guru j-QAF kerana media tersebut membantu dalam mencakup keupayaan input, paparan, penyimpanan, pencarian, penyalinan, perolehan, perhubungan, manipulasi, pengiraan, simulasi dan animasi.

Faedah yang diperolehi dengan menjadikan elemen teknologi multimedia sebagai BBM di dalam bilik darjah harus dimanipulasikan semaksimum mungkin kerana dapatan hasil kajian menunjukkan banyak kebaikan penggunaan teknologi ini dalam pengajaran dan pembelajaran. (Rohaya, 2003; Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007). Oleh itu, sikap guru-guru jQAF dalam menerima perubahan ini adalah penting bagi memastikan P&P mereka lebih efektif dan kreatif. Keperluan untuk memahirkan diri dengan penggunaan komputer sebagai BBM berasaskan TMm hendaklah dipertingkatkan agar guru menjadi lebih kreatif dalam membina bahan yang memudahkan kefahaman pelajar terhadap isi kandungan pelajaran.

Berdasarkan kajian-kajian lalu (Kenapa fokuskan kajian lalu lagi sedangkan perlu fokuskan kepada dapatan kajian ini), tidak dapat disangkal akan kepentingan penggunaan teknologi komunikasi dan teknologi multimedia dalam meningkat dan menambahbaik proses pengajaran guru dalam bilik darjah (Abdul Rahman Daud, 2000) Malahan didapati juga terdapatnya peningkatan minat dan motivasi pelajar terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm. Daripada hasil-hasil kajian tersebut secara amnya bahawa kejayaan dan keberkesanan penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran guru, bergantung kepada kemahiran dan sikap guru itu sendiri untuk meningkatkan kecekapannya dalam membina dan menyediakan BBM berasaskan TMm.

KESIMPULAN

Kajian mendapati persepsi guru terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm secara puratanya tinggi. Tidak dinafikan juga terdapatnya beberapa masalah dan halangan secara teknikal dalam meningkat kemahiran penggunaan BBM berasaskan TMm dalam pengajaran. Oleh yang demikian, guru-guru j-QAF mesti berusaha untuk meningkatkan kemahiran masing-masing agar pengajaran yang dilaksanakan bagi semua model-model program j-QAF dapat menunjukkan keberkesanan sebagaimana yang dikehendaki dalam objektif program tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor-faktor lain iaitu jantina, lokasi sekolah dan bidang pengkhususan guru tidak memberikan yang signifikan kepada persepsi mereka terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm dalam kalangan guru-guru j-QAF. Daripada dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan dalam ketiga-tiga pembolehubah di atas. Hal ini menunjukkan bahawa kemampuan dan upaya guru itu sendiri penting dalam membina persepsi guru terhadap penggunaan BBM berasaskan TMm di sekolah mereka.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan kaedah P&P Pendidikan Islam ke atas*

- Pembangunan diri pelajar.* Projek Penyelidikan GG002/04. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Daud. 2000. Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan alat teknologi pendidikan (ATP) dalam pengajaran Matematik di kalangan guru sekolah rendah. *Proceedings of the International Conference on Teaching and Learning: Strategising Teaching and Learning in The 21st Century. Vol.2*, hlm. 772-784.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2005. *Pengurusan pendidikan di sekolah: Huraian menurut perspektif Islam.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar Ahmad, Hossen Marip & Morsalin Pawi. 2008. Kajian tinjauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sekolah menengah di Sarawak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke 6: Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan.* hlm. 635-645.Baharudin Shidki & Nik Rahimi Nik Yusof. 2008. Cabaran penggunaan ICT dalam P&P Pendidikan Islam. Dlm. Norazah Mohd. Nordin & Mohamed Amin Embi (pnyt.). *Pengintegrasian ICT dalam Pendidikan, Penyelidikan, Amalan dan Aplikasi.* Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah P&P.* Cet. Ke-2. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abd. Razak & Mohd. Amin Embi. 2002. *Prosiding Kebangsaan Profesion Perguruan.* Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Che Omar. 2008. Guru Bahasa Arab terlatih di sekolah: satu keperluan di Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke 6 : Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan.* hlm. 711-720.
- Rohaya Hassan. 2003. Tahap pengetahuan dan kemahiran komputer dari perspektif guru Pendidikan Islam di daerah Kuala Terengganu. Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat. 2008. Guru Bahasa Arab terlatih di sekolah: satu keperluan di Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke 6: Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan*, hlm. 555-569.Wan Khairuddin Wan Yahya. 2006. Penggunaan ICT di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Kajian di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Rompin. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainuddin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin, Mohd. Ali Ibrahim & Rahmad Sukor Ab Samad. 2008. *Kemahiran ICT di kalangan guru pelatih IPTA Malaysia.* Shah Alam: Arah Publications.

